

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI AKADEMI AUDIT NEGARA (AAN) KE INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

1 Disember 2025, Tanjung Malim - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Akademi Audit Negara (AAN) yang diketuai oleh Pengarah AAN, YBrs. Puan Baridatul Anita binti Bidin, bersama enam orang pegawai AAN pada 1 Disember 2025.

Ketibaan delegasi telah disambut oleh Pengarah INSTUN, YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, ketua-ketua bahagian, serta wakil kakitangan daripada pelbagai bahagian INSTUN.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat serta perbincangan dua hala yang memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, termasuk, fasiliti , pengurusan dan pelaksanaan kursus serta penerbitan bahan ilmiah.

Dalam sesi kunjungan hormat itu juga, delegasi AAN turut dibawa melawat ke fasiliti utama INSTUN, antaranya Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), Smart Classroom Inspire dan Studio MyINSTUN.

INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan dan komitmen AAN dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi.



